

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



MEI 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Salwa binti Haji Ghazali
Nur Asrina binti Idris

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Majlis Penyerahan Poster sempena Ulang Tahun ABDB Ke-55	5 - 6
Sembahyang lima waktu banyak kelebihan	7 - 8
Mesyuarat Eksekutif Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia	9
Program Forum 'Sinar' di teruskan Di Kuala Belait	10
Brunei Press juara Bola Jaring	10
Penduduk kampung mesti peka dengan maklumat	11
Suntik semangat perpaduan ASEAN kalangan penuntut	12
Perserta dalam tanggungjawab Jabatan Penerangan	13
Taklimat kenegaraan kukuh semangat patriotik pelajar	14
Semai semangat patriotik dalam diri pelajar	15
Semai semangat patriotisme penuntut	16
Tingkatkan kesedaran penuntut mengenai ASEAN	17
Program Forum Sinar diteruskan ke SMYSHHB	18
Semai semangat patriotisme penuntut	18
Pelajar SMSSA didedahkan mengenai ASEAN	19
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus/ bengkel/ceramah pada bulan Mei 2016	20
Penerima-penerima pingat bagi kakitangan Jabatan Penerangan	21-23
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	23
Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan (bersara)	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Majlis Penyerahan Poster sempena Ulang Tahun ABDB Ke-55

Oleh & Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyerahkan poster sambutan tersebut kepada Pengerusi Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-55 pada tahun ini berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB di Perkhemahan Tanah Jambu pada 31 Mei ini.

Bagi memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini, pihak ABDB telah menerima poster yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Poster tersebut berlangsung hari ini di Dewan Konsert Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, Bolkliah Garison.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55.

Kolonel Haji Muhammad Haszaimi semasa berucap pada majlis tersebut berkata, poster dan logo Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55 menggambarkan imej gagasan generasi berwawasan serta menjelaskan bahawa ABDB menaruh harapan kepada pemimpin-pemimpin serta parajurit-parajurit generasi pada masa ini untuk menjadi tulang belakang institusi pertahanan, demi mendukung momentum aspirasi negara.



ANTARA Pegawai dan kakitangan ABDB yang hadir di majlis tersebut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa majlis penyerahan poster sempena ulang tahun ABDB Ke-55.



TIMBALAN Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55 semasa berucap pada majlis tersebut.

Di samping dilengkapi dengan kelengkapan serta peralatan serba moden, teras utama selaku benteng pertahanan negara pada hakikatnya adalah kualiti, komitmen dan kesungguhan generasi sekarang dalam melaksanakan peranan serta amanah, dalam sama-sama mendukung pembangunan negara, tambah Kolonel Haji Muhammad Haszaimi lagi.

Menyentuh pada tema sambutan iaitu 'ABDB Generasi Berwawasan', Kolonel Haji Muhammad Haszaimi menerangkan bahawa konsep sambutan pada tahun ini juga banyak menjurus ke arah pendedahan pengetahuan khususnya peranan ABDB, selaku elemen utama diplomasi pertahanan pada peringkat antarabangsa dan juga sumbangan ABDB terhadap masyarakat amnya. Jawatankuasa tertinggi sambutan tambahnya juga telah mengetengahkan satu pembaharuan, di samping atur cara-atur cara yang lazimnya diungkayahkan.

Pembaharuan tersebut, jelasnya lagi, adalah Majlis Ceramah Khas Keugamaan yang akan dikendalikan di keempat-empat buah daerah, yang akan menyalurkan sudut pengetahuan tentang kepentingan institusi ketenteraan dan hubung kaitnya dengan sebuah negara Islam yang berdaulat serta peranan tentera selaku benteng pertahanannya.

Sembahyang lima waktu kebanyakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Israk dan Mikraj yang merupakan satu peristiwa agung di dalam sejarah Islam dan juga diri Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana umat Islam seluruh dunia menyambutnya sempena memperingati peristiwa itu pada 27 Rejab setiap tahun.

Peristiwa ini juga merupakan salah satu komponen daripada 'Sirah Nabawiyah' yang bermaksud pelaksanaan Islam secara praktikal dan contoh tepat dalam menegakkan sebuah negara Islam dan peristiwa yang penuh dengan pengajaran dan iktibar itu menjadi peringatan kepada kita agar sentiasa mengingati Allah dan takut akan kekuasaannya.

Sehubungan itu, dalam sama-sama mengambil iktibar dan pedoman daripada peristiwa tersebut, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, turut mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung di surau jabatan berkenaan.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat oleh Penyelia Pejabat Penerangan, Awang Haji Kamran bin Haji Bungsu diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran iaitu Surah Al-Israa' dari ayat 1 hingga 5 dibacakan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Acara kemudian diteruskan dengan ceramah khas yang bertajuk 'Sembahyang Kunci Syurga' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Ustaz Haji Mail bin Besar.

Antara lain beliau menyentuh mengenai peristiwa Israk Mikraj, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kelebihan sembahyang yang merupakan kunci syurga dan kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam sembahyang-sembahyang fardu dan sunat.

Jelasnya, Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan peristiwa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk memuliakan dan mengangkat darjat, untuk menghilangkan rasa dukacita, untuk memberikan perintah-perintah yang khusus di bawah syariat Nabi kita, antara yang penting ialah perintah melakukan sembahyang lima waktu bagi umatnya melaksanakan kewajipan tersebut terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

"Di dalam peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah di mana Allah Subhanahu Wata'ala memberikan Nabi ilmu mengenai dengan kehidupan dunia dan kehidupan di akhirat serta kehidupan bagi makhluk-makhluk Allah bukan sahaja di alam dunia tetapi juga di luar dari alam dunia," ujarnya.

Beliau berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Israk Mikrajkan untuk memperlihatkan bahawa di luar alam dunia ini ada alam lagi yang luas dan ada makhluk-makhluk Allah yang hidup di dalamnya.

Selain itu tambahnya, Baginda juga diperlihatkan balasan-balasan amalan-amalan yang dibuat seperti balasan orang yang melalaikan sembahyang, makan riba dan sebagainya.

Pada hakikatnya, kita diberi tempoh mengikut umur untuk hidup di dunia bagi mengumpulkan energi-energi yang baik atau energi-energi yang tidak baik melalui amalan kita dan jika sepanjang umur kita berbuat baik maka akan menerima balasan yang baik juga akan diterima tetapi jika ada amalan yang tidak baik akan kembali juga kepada kita, jelasnya.

"Sembahyang mempunyai beberapa kelebihan. Sembahyang bukan saja-saja dibuat dan bukan bila-bila masa dibuat. Tetapi sembahyang ditentukan waktu-waktu untuk sembahyang. Dan waktu-waktu untuk sembahyang ini telah ditetapkan mengikut warna alam pada waktu itu," ujarnya.



CERAMAH khas yang bertajuk 'Sembahyang Kunci Syurga' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Ustaz Haji Mail bin Besar.

Menurutnya, sembahyang lima waktu itu waktunya ada lima warna alam yang berbeza dan masing-masing warna itu mempengaruhi diri orang-orang yang melakukan sembahyang.

Beliau seterusnya menambah, umpamanya sembahyang Subuh, warna alam pada waktu itu ialah biru muda, dan warna ini mempengaruhi sistem metabolisme tubuh, jadi ianya mempunyai rahsia sebagai penawar rezeki dan masalah percakapan.

Katanya lagi, mereka yang kerap tertinggal waktu Subuh atau lewat menunaikan waktu Subuh berulang-ulang kali, lama kelamaan akan menghadapi masalah komunikasi dan rezeki.

Waktu Zuhur pula warna kuning jelasnya, warna kuning ini frekuensi untuk perut dan hati dan mereka yang kerap tertinggal waktu Zuhur atau lewat menunaikan waktu Zuhur berulang-ulang kali, lama kelamaan akan menghadapi masalah perut dan hilang sifat cerianya.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir pada majlis tersebut (atas dan bawah).

Beliau juga mengongsikan waktu Asar warna jingga dan mereka yang kerap tertinggal waktu Asar atau lewat menunaikan waktu Asar berulang-ulang kali, lama kelamaan akan kehilangan daya kreativiti manakala Maghrib warna merah, jin dan iblis tenaga nya bertambah, dan waktu itulah mereka mula keluar.

Sementara itu tambahnya, waktu Isyak warna indigo kerana waktu Isyak waktu yang gelap dan selepas Isyak itu adalah waktu untuk istirehat yang mana ianya frekuensi untuk otak dan mereka yang kerap tertinggal waktu Isyak atau lewat menunaikan waktu Isyak berulang-ulang kali, orang itu akan berada di dalam kegelisahan.

Beliau juga mengongsikan, sembahyang penarik rezeki, penghilang dukacita, mengelakkan akhlak yang tercela, menarik keberkatan dan sebagainya.



MESYUARAT EKSEKUTIF PENERANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA

Oleh : Mohammad Nor Amirudin Hj Brahim

Foto : Hj Masmaleh Hj Mohd Ali



Pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan Brunei bersama dengan Encik Mohd Raffee bin Mohd (dua dari kiri) ketika mesyuarat ini diadakan.

BERAKAS, 30 Mei – Bagi memastikan kelancaran program-program di bawah kerjasama memorandum persefahaman (MoU) di bidang penerangan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, satu Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Penerangan dan Pameran Foto Bersama antara Jabatan Penerangan Brunei Darussalam dan Jabatan Penerangan Malaysia telah diadakan. Mesyuarat berkenaan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

2 orang delegasi dari Jabatan Penerangan Malaysia diketuai oleh Encik Mohd Roffee bin Mohammad, Pengarah Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka, Jabatan Penerangan Malaysia mewakili Ketua Pengarah Penerangan Malaysia dan Puan Sharifah Anita Wafa binti Syed Munir Wafa, Penolong Pengarah, Cawangan Perhubungan Antarabangsa, Jabatan Penerangan Malaysia telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Pada Mesyuarat Pameran Foto Bersama pula kedua-dua buah jabatan telah bersetuju untuk menukar nama program kepada Pameran Bersama memandangkan ianya lebih bersesuaian dengan format pameran. Turut dibincangkan ialah cadangan tarikh dan tempat serta logistik pameran, jumlah panel dan lain-lain. Bagi pameran yang akan datang, tema yang dipilih ialah 'Raja Kita' sepertimana telah dipersetujui pada Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Teknikal (JTCIM) kali ke-4 di bawah MoU antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersidang pada 11-13 Mei 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia.



MESYUARAT persediaan pameran foto bersama di antara Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Penerangan Malaysia.

Program Forum 'Sinar' diteruskan di Kuala Belait

Oleh & Foto : Noraisah Mohammed



Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris ketika menyampaikan taklimat mengenai 'Menghayati Bendera Negara' dan 'Lagu Kebangsaan'.

SERIA, Isnin, 2 Mei. - Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) meneruskan lagi Program Forum 'Sinar' bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab dan Sekolah-sekolah Swasta Seluruh Negara Tahun 2016 yang diadakan di Sekolah Menengah Chung Ching, di sini.

Awang Mohammad Hisyam bin Idris, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait telah menyampaikan taklimat mengenai 'Menghayati Bendera Negara' dan 'Lagu Kebangsaan' yang antara lain untuk menghormati serta menjiwai bendera negara dan lagu kebangsaan di program tersebut.

Antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam forum itu antaranya dari Jabatan Perdana Menteri; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Brunei Press juara bola jaring

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan sijil dan piala kepada pemenang tempat pertama.



Antara aksi pemain bola jaring sempena Sambutan Memperingati Hari Penubuh Jabatan Penerangan Ke- 64.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mei. - Pasukan Brunei Press muncul juara Perlawanan Bola Jaring Jemputan sempena Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun setelah menewaskan pasukan Gabungan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Tenaga yang berlangsung di Dewan Sukan Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, di sini.

Juara berjaya mengutip 15 mata dengan jumlah 68 jaringan, manakala naib juara memperoleh 12 mata dengan jumlah jaringan sebanyak 71.

Sementara tempat ketiga disandang oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang hanya memperoleh 9 mata dengan jumlah jaringan sebanyak 35.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir juga pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan penyokong-penyokong daripada agensi-agensi yang turut serta. Sebanyak lima buah pasukan bola jaring telah menyertai perlawanan tersebut yang terdiri dari Jabatan Penerangan, pasukan Gabungan JPM dan Jabatan Tenaga, Jabatan Audit, Jabatan RTB, dan Brunei Press.

Perlawanan berkenaan berasaskan corak permainan 'round robin', yang mana perkiraan mata terbanyak muncul sebagai juara.

Acara diakhiri dengan penyampaian piala, pingat dan sijil kepada johan, naib johan dan tempat ketiga, manakala piala sagu hati dan sijil diberikan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian oleh tetamu kehormat majlis.

Perlawanan bola jaring juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan muhibah di antara Jabatan Penerangan dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang dijemput.

Penduduk kampung mesti peka dengan maklumat

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



GAMBAR ramai peserta Program Masyarakat Bermaklumat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mei. - Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakayat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya diharap akan dapat difahami sedalam-dalamnya oleh ahli jawatankuasa kampung tersebut.

Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A' dan Ketua Kampung STKRJ Lambak Kiri, Awang Haji Hamdani bin Omar selaku tetamu kehormat menyatakan demikian semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei semasa program berkenaan di Bilik Persidangan Tingkat 2, Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Program tersebut diisikan dengan beberapa taklimat, iaitu taklimat bertajuk 'Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kassim diikuti dengan taklimat bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Seramai 12 orang penduduk kampung menyertai program tersebut yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Ia merupakan satu program yang direka bentuk bagi menyuntik semangat dan inspirasi kepada anggota masyarakat dalam mempertingkatkan taraf hidup, di samping menambahkan pengetahuan mereka mengenai kepentingan menghayati bendera dan lagu kebangsaan serta mengetahui lebih banyak tentang sistem dan struktur pentadbiran negara.



Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kassim menyampaikan taklimat mengenai Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara.



PEMANGKU Penghulu Mukim Berakas A ketika berucap.

Suntik semangat perpaduan ASEAN kalangan penuntut

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



JERAYAWARA Kenali ASEAN yang berlangsung di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa, di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mei. - Jerayawara Kenali ASEAN dihasrat dapat memberikan pendedahan dan penyaluran maklumat dengan lebih meluas mengenai ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini.

Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN yang berlangsung di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH), di ibu negara.

Program tersebut adalah usaha berterusan Jabatan Penerangan ke arah menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi, tujuan penubuhan ASEAN dan pada masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SMCH, Puan Kho Guik Lan.

Taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau. Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para pelajar bagi meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan negara di mata serantau sebagai pencetus semangat bagi mereka untuk lebih gigih memajukan tanah air bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Melalui Jerayawara Kenali ASEAN ini, ianya dihasrat dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para penuntut sekolah mengenai ASEAN selain mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Turut hadir ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan para pelajar Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan.



SALAH seorang penuntut yang menyertai Kuiz Kenali ASEAN semasa Jerayawara Kenali ASEAN.



TAKLIMAT mengenai ASEAN disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Peserta dalam tanggungjawab Jabatan Penerangan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mei. - Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri diteruskan lagi pada sebelah petang bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan taklimat mengenai Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli selaku Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media.

Pada taklimat itu, Awang Ali Termizzi antara lain menjelaskan, tentang peranan dan tanggungjawab serta bahagian-bahagian dan unit-unit yang terdapat di bawah jabatan tersebut.

Jabatan Penerangan berperanan dalam menjaga imej raja, negara serta kerajaan dan juga sebagai 'Lidah' dan 'Telinga' kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan.

Selain itu, jabatan tersebut berperanan dalam mendengar isu-isu serta 'concerns' orang ramai dan memahami agenda media massa.

Dalam pada itu, Jabatan Penerangan juga bertanggungjawab dalam memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendali pengurusan dan hal ehwalhubungan dengan media serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

Di samping itu, beliau juga mengongsikan kronologi akhbar rasmi kerajaan yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, iaitu Pelita Brunei dari awal penubuhannya tahun 1956 hingga sekarang.

Para peserta program juga berpeluang mengemukakan soalan semasa sesi soal jawab dan seterusnya dibawa untuk melawat ke Mini Galeri Jabatan Penerangan, Unit Fotografi dan Bahagian Pelita Brunei.



PARA peserta program ketika mendengar taklimat yang di sampaikan oleh pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Raml.



ROMBONGAN semasa melihat lebih dekat lagi Fungsi Unit Fotografi di Jabatan Penerangan.



ROMBONGAN semasa melihat lebih dekat lagi fungsi Bahagian Pelita Brunei di Jabatan Penerangan.

Taklimat Kenegaraan kukuh semangat patriotik pelajar

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Hj Masmaleh Hj Mohd Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mei. - Dalam usaha menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan, 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' dengan tumpuan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) di ibu negara.

Taklimat Kenegaraan dihadiri oleh guru-guru kanan dan 205 penuntut dari Tahun 8 sekolah berkenaan serta pegawai juga kakitangan Jabatan Penerangan.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail dalam taklimatnya yang berkisar mengenai 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' antara lain menyentuh mengenai bendera Negara Brunei Darussalam yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya serta dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.



PENYAMPAIAN hadiah kepada murid Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang menyertai sesi Kuiz Kenegaraan.

Bendera negara ujarnya, hendaklah dinaikkan atau dikibarkan pada kedudukan yang jelas kelihatan dan bukannya tertutup atau tersembunyi seperti di belakang rumah.

Dalam taklimat itu, beliau antara lain menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik-kibar bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' selain menghuraikan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaikkibar dan kemudian menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio dan Televisyen Brunei.

Pada taklimat tersebut, para penuntut juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai sesi Kuiz Kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul.



KUIZ Kenegaraan disampaikan oleh Pengiran Emran bin Pengiran Hj Mohd Salleh



PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan dari Jabatan Penerangan berkesempatan bergambar kenangan bersama penuntut-penuntut Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS).

Semai semangat patriotik dalam diri pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

Antara atur cara program tersebut termasuklah nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan Lagu Patriotik ‘Bendera Negara’, diikuti dengan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, taklimat tersebut juga dihasratkan dapat menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.

Program turut diserikan dengan tayangan klip video ‘Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara’ dan sesi Kuiz Kenegaraan serta penyampaian cenderamata kepada Pengetua, Kho Guik Lan.



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.



PENUNTUT- penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.



PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan dari Jabatan Penerangan berkesempatan bergambar kenangan bersama penuntut-penuntut Tahun 8 dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Semai semangat patriotisme penuntut

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa memberi taklimat mengenai bendera Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mei. - Seramai 72 pelajar Tahun 7 hingga 11 Sekolah Nusa Laila Puteri Cawangan Bunut telah menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' anjuran Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan yang berlangsung di sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang antara lain menerangkan secara terperinci mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Program kemudian diteruskan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' terbitan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan Kuiz Kenegaraan.

Program ini adalah salah satu Program berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyemai perasaan cinta kepada bangsa, agama, raja dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.



TAKLIMAT Kenegaraan dihadiri oleh pelajar Tahun 7 hingga 11 Sekolah Nusa Laila Puteri Cawangan Bunut.

Tingkatkan kesedaran penuntut mengenai ASEAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

RIMBA, Rabu, 11 Mei. - Bagi memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa yang juga selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Menengah Rimba (SMR) I.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengetua SMR I, Dayang Norjalina binti Haji Ja'afar.

Turut hadir ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan para pelajar Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Taklimat mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau yang mana pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara agar menjadi pencetus semangat bagi mereka untuk memajukan tanah air dengan lebih gigih supaya Wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Bagi memeriahkan lagi majlis, Kuiz Kenali ASEAN turut diadakan seurus selepas penyampaian taklimat. Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut.



PARA pelajar yang terdiri dari Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Menengah Rimba I semasa hadir pada Jerayawara Kenali ASEAN.



TIMBALAN Pengetua Sekolah Menengah Rimba I, Dayang Norjalina binti Haji Ja'afar hadir selaku tetamu kehormat pada Jerayawara Kenali ASEAN.



SALAH seorang pelajar ikut serta dalam Kuiz Kenali ASEAN.



TIMBALAN Pengetua Sekolah Menengah Rimba I, Dayang Norjalina binti Haji Ja'afar menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang menyertai Kuiz Kenali ASEAN.

Program Forum Sinar diteruskan ke SMYSHHB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mei. - Jabatan Sekolah-Sekolah melalui Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar meneruskan Program Forum Sinar ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB). Jabatan Penerangan merupakan salah sebuah Jabatan yang telah di undang memberikan taklimat.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Momin antara lain menyeru para pelajar untuk menghormati bendera negara di samping menghayati lagu kebangsaan dengan sepenuh jiwa dalam menyemai semangat patriotisme kerana ianya melambangkan perpaduan dan identiti bangsa dan negara serta mendukung falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain menyampaikan mengenai sejarah, tujuan, fungsi serta tatacara mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan kita, taklimat bertajuk Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam juga diharap dapat meningkatkan semangat kenegaraan yang tinggi di kalangan pelajar sekali gus sama-sama memanjatkan doa seperti yang terdapat dalam lirik lagu kebangsaan, demi kesejahteraan raja yang kita kasihi dan kemakmuran negara yang kita cintai.

Sebanyak 11 buah agensi kerajaan yang dibahagikan kepada dua kumpulan menyertai forum berkenaan dengan sasaran pelajar Tahun 7 dari 44 buah sekolah menengah kerajaan dan juga swasta di seluruh negara.

Kumpulan 'B' akan memberikan taklimat pada Khamis ini sementara kumpulan 'A' akan meneruskan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar di Daerah Temburong nanti.



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris bergambar ramai bersama pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.



ANTARA penuntut yang hadir semasa taklimat Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Semai semangat patriotisme penuntut

Oleh : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 17 Mei. - Dalam usaha menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait hari ini meneruskan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' ke Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.

Taklimat Kenegaraan itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaikkibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Taklimat yang dihadiri oleh 95 pelajar dari Tahun 7 dari sekolah tersebut juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait, Pengiran Hajah Zeiniun binti Pengiran Mudin.

Pelajar SMSSA didedahkan mengenai ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

MUARA, Khamis, 12 Mei. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI meneruskan lagi siri Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Salambigar.

Turut hadir pegawai dan kakitangan Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan; para guru dan lebih 300 penuntut dari Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan.

Taklimat mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Jerayawara itu bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini.

Ini kerana mereka merupakan golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN, iaitu 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti.'

Taklimat itu juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.



PENYAMPAIAN hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.



TAKLIMAT mengenai ASEAN dihadiri oleh pelajar Tahun 7 hingga 9 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar.



GAMBAR ramai bersama penuntut Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Azman bin Haji Abdul Rahim	Kursus Aqidah Ahli Sunnah Wal-jamaah	02 - 03 Mei 2016
2. Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi 3. Awang Haji Dayang bin Haji Kasim 4. Dayang Hajah Hamsah bin Datu Kerna Haji Jaya 5. Dayang Hajah Nuramanina binti Haji Hassan	Kursus Basic Internal Auditing	16 - 19 Mei 2016
6. Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad 7. Awang Muhammad Halime bin Haji Tajuddin 8. Dayang Salina binti Wahab 9. Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain 10. Awang Ah Chua bin Bangau	Kuliah Awam Bertajuk Ramadhan Jiwa Kerja Eksklusif	14 Mei 2016
11. Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad 12. Awang Muhd. Khairul Hadi bin Haji Muhd. Muhtaddir 13. Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit 14. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlii / Haji Ramli 15. Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail 16. Awang Hamzah bin Mohidin 17. Dayang Haniza binti Abdul Latif 18. Dayang Marlinawaty binti Hussin 19. Awangku Syi'aruddin bin Pengiran Dauddin 20. Dayang Norhafilah binti Rosli 21. Awang Mohammad Asbillah bin Haji Pudin 22. Awang Muhammad Asri bin Haji Awang Abas 23. Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani 24. Dayang Arme Suziley Santilah binti Mohd Eriffin 25. Awang Haji Sufri bin Haji Jamil 26. Dayang Asnah binti Haji Diwa 27. Dayang Dede Sutini binti Mazziz @ Hassan 28. Awang Adi Azim Iskandar bin Jali 29. Dayang Marliana binti Haji Jamal	Taklimat Akta Rahsia Rasmi OSA-1	21 Mei 2016
30. Dayang Sadiyah binti Haji Kahar	Kursus Pekhidmatan Pelanggan	09 - 12 Mei 2016
31. Dayang Jorrani binti Haji Zainal 32. Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh	Bengkel Kejuruaacaraan 'Master of Ceremony (MC)'	23 - 25 Mei 2016
33. Awang Wahid bin Haji Halim 34. Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail	Memimpin Pasukan Kerja	24 - 26 Mei 2016
35. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlii / Haji Ramli	Kursus Basic Internal Auditing	30 Mei - 04 Jun 2016
36. Dayang Hajah Norliha binti Haji Salleh	Kursus Tashawwuf	09 - 12 Mei 2016
37. Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad	Toastmaster' JPM	28 Mei 2016
38. Awang Rafa'ee bin Ya'akub	Taklimat & Ceramah 'Hijrah Membangun Minda Belia'	28 Mei 2016

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan atas pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K), Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan Pingat Kerja Lama (P.K.L) yang telah dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 7 Mei 2016 dan 23 Mei 2016 di Istana Nurul Iman.

<p>Sadiyah Hj Kahar Norhayani bin Hj Abd Latif Suhaili@Saipol Bahri Hj Mat Zin Hj Salleh Hj Yussof Wahid Hj Halim Hjh Hamsah bin Datu Kerna Hj Jaya Hjh Painah binti Painam Belang bin Galawat Hj Hassan bin Hj Mudin Hj Madon bin Hj Ibrahim Hj Rahimi@Maznibi bin Hj Anuar</p>	<p>PIKB PIKB PIKB PJK PJK PJK PJK PJK PJK PJK</p>	<p>7 Mei 2016</p>
<p>Dyg Noriah Hj Abdul Hamid Masri bin Osman Rafa'ee bin Yaakub Samle bin Hj Jahit @ Jait Hj Dayang Hj Kassim Pg Ikram bin Pg Hj Ahmad Ampuan Hj Mahmud bin Ampuan Hj Tengah Awangku Jefferi bin Pg. Hj Durahman Hj Mohd Sahrin bin Hj Dosaman</p>	<p>PJK PJK PJK PJK PJK PJK PKL PIKB PIKB</p>	<p>23 Mei 2016</p>



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas dan bawah).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas dan bawah).



PENERIMA pingat kehormatan, Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B), Awangku Jefferi bin Pengiran Durahman, bekerja sebagai Penolong Penyunting Tingkat II di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.



Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Awang Mohammad Nurakram bin Noraini@Bahrin
Penolong Pegawai Penerangan
Lapor diri : 2 Mei 2016



Awang Mohammad Khaidir Shah bin Haji Abdul Halim
Pegawai Luar Penerangan
Lapor diri : 23 Mei 2016

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:



Hjh. Norpishah binti Mohamed Salleh
Penyemak
Tarikh tamat perkhidmatan :
28 Mei 2016



Haji Besar bin Haji Mamit
Penolong Pegawai Penyemak
Tarikh tamat perkhidmatan :
7 Mei 2016

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242**